

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN DR HATTA B. MD RAMLI (LUMUT)**

**SOALAN**

**DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [ LUMUT ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jumlah kes kemalangan jalan raya berpunca daripada pemandu mabuk di bawah pentadbiran Kerajaan Perikatan Nasional (PN).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Statistik kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh pemanduan berbahaya oleh pemandu di bawah pengaruh alkohol sejak pentadbiran Kerajaan Perikatan Nasional dari Mac 2020 sehingga Jun 2020 adalah sebanyak 99 kes. Daripada jumlah ini, tujuh (7) kes melibatkan kemalangan maut, satu (1) kes melibatkan kemalangan parah, empat (4) kes melibatkan kemalangan ringan dan 87 kes kemalangan rosak.